

24/12/1997

Pemotongan tidak jejas mutu khidmat

KEPALA BATAS, Selasa - Kerajaan negeri akan memastikan mutu perkhidmatan jabatan kerajaan di negeri ini tidak terjejas, walaupun berlaku pemotongan peruntukan bagi beberapa projek tahun depan.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar, berkata kerajaan negeri juga terpaksa membuat pemotongan peruntukan terhadap beberapa projek untuk rakyat bagi menjimatkan perbelanjaan seperti yang disarankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, ketika negara menghadapi kemelut ekonomi sekarang, kerajaan negeri perlu membuat pemotongan peruntukan bagi beberapa projek, termasuk projek yang dilaksanakan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk mengimbangkan perbelanjaan antara jabatan.

Bagaimanapun, katanya, semua jabatan terbabit, termasuk JKR perlu mengekalkan perkhidmatan cemerlang kepada rakyat tanpa mempersoalkan pemotongan peruntukan.

"Saya tidak mahu pegawai dan kakitangan jabatan kerajaan menganggap mereka tidak perlu kerja keras kerana kerajaan memotong peruntukan projek," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Hari Q Jabatan Kerja Raya (JKR) daerah Seberang Prai Utara (SPU) di pejabat JKR Bertam dekat sini, semalam.

Di majlis itu beliau menyampaikan sijil khidmat cemerlang kepada pegawai dan pekerja JKR. Turut hadir Pengarah JKR negeri, Chuah Chong Soon dan Jurutera JKR daerah SPU, Adanan Sukri Musa.

Mohd Shariff berkata JKR adalah antara organisasi besar dalam pentadbiran kerajaan negeri yang dipertanggungjawab melaksanakan projek pembangunan, terutama dalam pembinaan jalan.

"Saya berharap kakitangan dan pekerja JKR tidak mengabaikan tugas yang diamanahkan, sebaliknya perlu peka terhadap kehendak rakyat, terutama dari segi pelaksanaan projek pembinaan jalan di luar bandar," katanya.

Pemotongan peruntukan projek tidak ada kaitan dengan budaya meningkatkan mutu kerja kakitangan jabatan serta menyarankan mereka mengubah cara berfikir, bekerja supaya ia selaras dengan kedudukan ekonomi semasa.

(END)